

**SOALAN NO.: 437**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menjadikan Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi yang betul-betul bebas seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan mengembalikan martabat Parlimen seperti awal-awal ditubuhkan dengan pentadbirannya diuruskan oleh Akta sendiri.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Parlimen yang dimansuhkan pada tahun 1992 dibuat untuk memberi ruang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen untuk mengembangkan kerjaya masing-masing dengan lebih luas lagi. Oleh itu, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 tidak akan dipertimbangkan buat masa ini. Namun kajian mendalam mengenai akta ini akan dipertimbangkan mengikut keperluan dari semasa-semasa.

Sekian. Terima kasih.